



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
No. 51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915003
Fax : 03-88915558

Rujukan Kami : JKT.D.100-1/3/2 Jld. 4(11)

Tarikh : 13 Julai 2012

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BILANGAN 4 TAHUN 2012**

**GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN
MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK
BERKUASA TEMPATAN**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai pelaksanaan **Penguatkuasaan Larangan Penjualan Makanan Dan Minuman Di Luar Pagar Sekolah Oleh PBT.**

LATAR BELAKANG

2. **Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet bagi Persekitaran Hidup Yang Sihat (JKPHS) Siri 1, Bil.1/2011 pada 4 April 2011** yang dipengerusikan oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri telah memutuskan supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengeluarkan satu garis panduan mengenai penguatkuasaan peraturan larangan penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah.

3. Mesyuarat Jemaah Menteri pada **25 November 2011** telah meluluskan cadangan garis panduan khusus untuk mengawal aktiviti penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah. Garis Panduan tersebut kemudiannya telah diluluskan oleh **Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan ke-65 (MNKT Ke-65)** pada **21 Mac 2012**.

GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

4. Garis Panduan Penguatkuasaan Larangan Penjualan Makanan Dan Minuman Di Luar Pagar Sekolah Oleh Pihak Berkuasa Tempatan ini akan digunapakai di PBN dan PBT bagi memastikan semua peniaga yang menjalankan aktiviti penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antara lain, garis panduan ini telah menetapkan jarak 40 meter dari pagar sekeliling sekolah sebagai lingkungan jarak tapak larangan penjualan makanan dan minuman, serta senarai dan justifikasi larangan jualan mengikut jenis makanan dan minuman. Garis Panduan Penguatkuasaan Larangan Penjualan Makanan Dan Minuman Di Luar Pagar Sekolah Oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Lampiran A**.

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

6. Pemakaian peruntukan pekeling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT.

PERTANYAAN

7. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Pengarah
Bahagian Pemakanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 1, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590, Putrajaya
No. Telefon : 03-8892 4503
No. Fax : 03-8892 4511 / 4512

Pengarah
Bahagian Kesihatan Persekitaran
Jabatan Kerajaan Tempatan
Aras 26, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100, Putrajaya
No. Telefon : 03-8892 3300/ 3336
No. Fax : 03-8891 3098

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”



(DATUK ARPAH BINTI ABDUL RAZAK)
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

13 Julai 2012

Salinan kepada :
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Datuk Bandar/ Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan